

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 02 Julai 2016 9:40
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: ipqnet
Subject: IPQ-UUM PRIHATIN DALAM PROGRAM KEMBALIKAN SENYUMAN MEREKA



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



02 JULAI 2016/ 27 RAMADHAN 1437H

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

IPQ-UUM Prihatin Dalam Program Kembalikan Senyuman Mereka



IPQ ONLINE : Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Institut Pengurusan Kualiti (KKR-IPQ) telah mengadakan satu lagi aktiviti CSR di bulan Ramadhan ini yang dipanggil IPQ Prihatin - Kembalikan Senyuman Mereka. Program ini memberi sumbangan barang keperluan dan wang kepada keluarga kurang bernasib baik di kampung-kampung sekitar Changlun, Kodiang, Jitra dan Alor Setar pada Khamis, 30 Jun 2016 lalu. Sebanyak 20 buah keluarga telah dibantu dalam program ini.

Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah berkata “program ini amat menginsafkan kerana rata-rata ayah dan ibu yang dibantu amat dhaif kehidupan mereka. Ada pasangan suami isteri yang kedua-duanya lumpuh sepenuhnya, tidak boleh berbicara dan kini hidup sendirian kerana satu-satunya anak mereka iaitu seorang ibu tunggal sedang sakit dan dirawat di hospital. Begitu juga apabila melihat ada ibu dan ayah yang terlantar sakit di samping tinggal dalam rumah yang cukup usang, dan ada yang hidup sebatang kara dengan bergantung sepenuhnya kepada duit zakat yang diterima setahun sekali iaitu sekitar RM600 setahun untuk menyara kehidupan selama 1 tahun benar-benar meruntun jiwa. Terima kasih kepada sahabat-sahabat warga IPQ, UUM dan di luar UUM yang menyumbang wang ringgit sehingga membolehkan program ini dijayakan dengan baik. Mudah-mudahan Allah akan membalas dengan balasan sebaik-baiknya buat sahabat-sahabat semua” ujarinya.

“Hasil dari program ini, IPQ-UUM akan mengambil inisiatif menjadikan beberapa keluarga sebagai keluarga angkat IPQ dengan mewujudkan Tabung KKR-IPQ bagi mengumpul dana untuk membantu menampung kehidupan bulanan mereka. Program ini akan menjadi program CSR warga IPQ-UUM” ujarinya.

Turut hadir dalam dalam menjayakan program ini adalah ahli jawatankuasa Kelab Kebajikan dan Rekreasi IPQ seramai 12 orang. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada ADUN Kota Seputeh, YB Dato' Abu Hassan, dan YB Dato' Othman Aziz iaitu Ahli Parlimen Jerlun. Program ini bermula dari Changlun dan terus menuju ke Kodiang, Jitra dan berakhir di Alor Setar pada jam sekitar 4.30 petang.

Habis.

=====

**KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,**

KEDAH DARUL AMAN

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3068/4679/4678/4657

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the

official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or

corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.